



KOLEKSI ARTIKEL KAJIAN TINDAKAN

SEMINAR

KAJIAN TINDAKAN PENDIDIKAN

Penyusun
Awang Nurizal bin Awang Kenit
Sulaiman bin Hasim

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA
DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
PERINGKAT NEGERI SARAWAK



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

KOLEKSI ARTIKEL KAJIAN TINDAKAN
SEMINAR
KAJIAN TINDAKAN PENDIDIKAN

24 – 25 September 2019M | 24 – 25 Muharam 1441H

Penyusun

Awang Nurizal bin Awang Kenit
Sulaiman bin Hasim

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA
DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Cetakan Pertama 2020
© Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik off Jalan Bako, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak.

Dicetak oleh

Malien Press Sdn Bhd
G/F1 Lot 184, Section 49, Jalan Abell,
93760 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-253828, Fax: 082-428999

JAWATANKUASA INDUK

Penasihat I

Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak

Penasihat II

Pengarah Pendidikan Sarawak

Pengerusi

Haji Hossen bin Haji Marip
Ketua Penolong Pengarah Kanan, SPI, JPN Sarawak

Pengerusi Bersama

Haji Abdul Latif bin Haji Abdul Karim
KPP Kanan Bahagian Pengukuhan P. Islam, JAIS

Setiausaha

Julia binti Mohamadin
Ketua Penolong Pengarah, SPI, JPN Sarawak

Penolong Setiausaha

Awang Nurizal bin Awang Kenit
Penolong Pengarah, SPI, JPN Sarawak

Bendahari

Hajah Siti Zulaikha binti Ibrahim
Pengetua, SMKA Tun Ahmad Zaidi, Kuching

Penolong Bendahari

Ramona binti Hamden
Penolong Pengarah, SPI, JPN Sarawak

PANEL PENILAI DAN PEMBENTANGAN KAJIAN

Prof. Madya Dr. Zunika binti Amit,
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Dr. Sharifah Nooraida binti Wan Hasan,
Institut Aminuddin Baki (IAB), Cawangan Sarawak
Dr. Aswandi bin Laman,
Institut Aminuddin Baki (IAB), Cawangan Sarawak
Dr. Zainal Abidin bin Masleh,
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching
Abang Mohammad Hudzaifah bin Abang Shakawi,
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Haji Suib bin Maknun,
Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak (BPPMIS)

AHLI JAWATANKUASA KECIL / PELAKSANA

Jawatankuasa Publisiti dan Promosi

Mohd. Musa bin Manshor
*Penolong Pengarah SPS,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Urus Setia dan Pendaftaran

Wan Rushdi bin Wan Ramli
*Penolong Pengarah SPI,
JPN Sarawak*

Mohd. Yunus bin Ali
*Penyelia Kumpulan SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Sambutan dan Protokol

Mohamad bin Solhi
*Penolong Pengarah SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Logistik

Mohd. Hasmadi bin Mat
*Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Cenderamata dan Sijil

Siti Nila Irama binti Haji Kaderi
*Penolong Pengarah, SPS,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Dokumentasi dan Buku Seminar

Sulaiman bin Hashim
*Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Dokumentasi dan Buku Seminar

Sulaiman bin Hashim
*Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Pelaporan

Julia binti Mohamadin
*Ketua Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Siar Raya dan Peralatan

Mohd. Hamami bin Salleh
*Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

Jawatankuasa Pengacaraan

Noreffendi bin Daan
*Penolong Pengarah, SPI,
JPN Sarawak*

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xii
BAHASA MELAYU	
1. Penggunaan "Rantai Kunci Dinosaur" dalam Menulis Huruf Kecil bagi Murid Tahun 1C Dayangku Nurhazrin binti Awangku Sanusi SK Agama MIS Miri	1
2. Teknik Karangan Berpandu bagi Mempertingkatkan Kemahiran Menulis Karangan (Surat Kiriman Rasmi) bagi Murid Tahun 4 Al-Khawarizmi Abu Bakar bin Isa Norlija binti Tomi SK Agama MIS Sibu	21
3. Penggunaan Samosa dalam Pembelajaran Peribahasa Tingkatan 2 Al-Abqari Siti Yuhannis binti Ahmad Hady SMK Agama Miri	43
BAHASA INGGERIS	
4. Improving Year 4 Al-Batani Remedial Pupils' Simple Sentences Construction Using 'D-Wheel' Method Nadzirah binti Saimi SK Agama MIS Mukah	59

KANDUNGAN

- BAHASA ARAB**
5. **Penggunaan *Q-Asfar* dalam Mengingat Kosa Kata Bahasa Arab** 73
Nur Amirah binti Ngapan
SK Agama MIS Miri
 6. **Penggunaan Telefon Fonetik dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca** 89
Arfah Munirah binti Said
SK Agama MIS Sibu
 7. **Penggunaan *i-Think* Peta Buih dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Tingkatan 3E** 107
Rusida binti Rosli
SMK Agama Saratok
 8. **Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan (*Insyak*) Menggunakan Teknik *La Tansa Al-Ghinaaiyyah* dalam Kalangan Pelajar 3D** 115
Kurnia binti Laman
SK Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching
 9. **Meningkatkan Penguasaan Murid Tingkatan 3C dalam Kalimah *Muradifat* dan *Mudhodat* dengan Menggunakan Teknik *Al-Rifqu Wal 'Adwa*** 125
Jamaliah binti Abdul Jalil
SMK Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching

KANDUNGAN

PENDIDIKAN ISLAM

10. Kaedah 5 Jari – Meningkatkan Kemahiran Penguasaan 5 Asas Hukum Tajwid dalam Bacaan Al-Quran Pelajar Tingkatan 4 dan 5
Khairulanwar bin Sepawi
SMK Agama Igan 141
11. Penggunaan Kaedah “Kerangka Syed”: Meningkatkan Kemahiran Pelajar Menjawab Soalan KBAT Pendidikan Islam PT3
Meriyusnita binti Rajab
SMK Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching 163
12. Penggunaan Kaedah “TERIAN” dalam Meningkatkan Kemahiran Murid Mengingat Sunat Ab’ad
Nur Shakinah binti Mohamad
SK Agama Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, Kuching 183
- SAINS**
13. Meningkatkan Minat Pelajar Tingkatan 2 dalam Subjek Sains melalui Nota Kreatif menggunakan Modul Rad-Fun Science
Yishah binti Puasa
Noraisah binti Ahmad
SMK Agama Miri 201
14. Meningkatkan Kefahaman Murid Tahun 4 Dahlia dalam Mengenal Pasti Pemboleh Ubah Melalui Kit Latihan Awal Mengenal Pemboleh Ubah (LAMP)
Mastura binti Bujang
Kissma binti Ali
Dayang Faridah binti Abang Bakawi
Fatimah binti Afandi
SK Agama MIS Sibu 215

KANDUNGAN

15. Kaedah Mengajar Menggunakan Alat *Magic Torchlight* untuk Menerangkan Konsep Penambahan Cahaya Berwarna bagi Tingkatan 4 237
Yeni Asiqin binti Ali
SMK Agama Saratok
16. Penggunaan Kaedah Eksperimen untuk Meningkatkan Kefahaman dan Minat Murid Mengenal Pasti Pemboleh Ubah 255
Rabuyah binti Kadam
SK Agama Bintulu
17. Meningkatkan Penguasaan Topik *Moon Phase* Menggunakan *Moon-Z Motion* terhadap Murid-murid Science Year 5 (DLP) 275
Ahmad Zuhilmi bin Mohammad
SK Agama MIS Miri
18. Menguasai Topik Mesin Ringkas Melalui Akronim dan Simbol "Cinta" bagi Murid Tingkatan 3F 319
Zakia binti Setu
SMK Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching

MATEMATIK TAMBAHAN

19. Memperkasakan Penguasaan Pelajar 5 Syafie dalam Tajuk Fungsi Gubahan dengan Kaedah $AB = I$ (A=Andaikan, B= Biasa, I=Imej) 333
Dayang Zeti binti Abang Supian
SMK Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching

KANDUNGAN

MATEMATIK

20. **Intervensi Kayu Nilai Tempat untuk Pengajaran Kemahiran Perwakilan Nombor Bulat bagi Murid Pemulihan DLP Tahun 2** 341
Nuraziemah binti Jamali
SK Agama MIS Sibul

PENGAJIAN AM

21. **Penggunaan Kaedah "4R" dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Pengajian Am STPM** 355
Saptuah binti Atoi
SMK Agama Sibul

SEJARAH

22. **Teknik SPIDER untuk Menguasai KBAT Sejarah** 367
Muhamad Najib bin Yusuf
SMK Agama Saratok
23. **Teknik KuFaS Kertas 1 Melalui Permainan Bingo Sukatan Pelajaran Tingkatan 5 Hanafi** 383
Rozita Anak Latip
SMK Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching

REKA BENTUK TEKNOLOGI

24. **Penggunaan Almari Doraemon dalam Pengajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Tingkatan 1** 391
Huong Hui King
Nurul Aniza binti Ali
Murdiana binti Musa@Munir
SMK Agama Miri

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, atas keizinan-Nya, Seminar Kajian Tindakan Pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Peringkat Negeri Sarawak 2019 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seminar tersebut adalah pertama kali diadakan anjuran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak (MIS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Yayasan Sarawak dan Baitulmal Sarawak.

Bertemakan "Membudayakan Kajian dan Penyelidikan", sebanyak 40 kajian tindakan telah ditulis dan dibentangkan meliputi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, dan beberapa mata pelajaran yang lain. Ia dijadikan platform bagi guru-guru di SMKA dan SABK yang terpilih membentangkan kajian mereka sebagai perkongsian ilmiah.

Sebagai usaha bagi ruang pengembangan dan perkongsian ilmu, sebanyak 24 hasil kajian tindakan dipilih semula oleh panel penilai untuk diterbitkan sebagai rujukan dan tatapan pengkaji dan guru-guru di sekolah. Dalam Plan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB), salah satu kriteria yang dikira dalam peningkatan profesionalisme ialah pembentangan kertas atau hasil kajian dalam seminar di pelbagai peringkat. Secara tidak langsung, terbitan ini memberi peluang kepada guru-guru berkongsi hasil kajian mereka di samping meningkatkan profesionalisme mereka sebagai pendidik khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian tindakan merupakan hasil kajian dan penyelesaian ke atas masalah sebenar yang berlaku di sekolah. Masalah ini telah berjaya diselesaikan dan direkodkan. Bermaksud, setiap hasil kajian tindakan ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh para pendidik yang mungkin menghadapi masalah yang sama. Terima kasih diucapkan kepada semua pegawai di Sektor Pendidikan Islam, JPN Sarawak atas

usaha gigih
Koleksi Artifi

Bagi p
setinggi-ting
Yayasan Sa
kerjasama y
ini. Terima
jawatankua
atau tidak
perkongsia
berpanjang
dan kemer

Sekian.

Dr. Haji
Pengarah
Jabatan


usaha gigih menjayakan seminar dan seterusnya menerbitkan buku Koleksi Artikel Kajian Tindakan seminar ini untuk manfaat semua.

Bagi pihak Jawatankuasa Pengelola, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada MIS, JAIS, Yayasan Sarawak dan Baitulmal Sarawak atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan seminar kajian tindakan ini. Terima kasih juga kepada para pembentang, panel penilai, jawatankuasa kerja serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran seminar ini. Semoga perkongsian ilmu seperti ini akan terus menjadi saham akhirat yang berpanjangan ke arah memperkasakan profesionalisme pendidikan dan kemenjadian murid.

Sekian.

Dr. Haji Azhar Bin Haji Ahmad
*Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak*

Penghargaan Khas Kepada



01

Tajuk

**Penggunaan “Rantai Kunci Dinosaur”
dalam Menulis Huruf Kecil bagi
Murid Tahun 1C**

Mata Pelajaran | Bahasa Melayu

Penulis

**Dayangku Nurhazrin binti Awangku Sanusi
SK Agama MIS Miri**



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid-murid yang lemah dalam menguasai kemahiran menulis huruf kecil bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1. Seramai 5 orang murid dan seorang guru terlibat dalam kajian ini. Saya memfokuskan kepada penggunaan huruf kecil ketika menulis ayat dalam buku latihan garis 1. Tempoh awal yang dibuat melalui ujian pengesanan menunjukkan murid kurang peka terhadap kepentingan menulis huruf kecil yang betul dan tepat mengikut garisan. Oleh itu, saya telah menggunakan teknik 'Rantai Kunci Dinosaur' untuk mengurangkan kesalahan murid dalam penggunaan huruf kecil. Saya telah menjalankan langkah-langkah yang dirancang dan didapati penguasaan murid untuk menulis huruf kecil ketika menulis ayat dalam buku latihan garis 1 semakin membaik berbanding sebelumnya. Murid tersebut juga menunjukkan sikap yang lebih positif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU

Sepanjang enam tahun mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah, saya dapati, masalah menulis huruf kecil dalam buku latihan garis 1 merupakan masalah yang sering timbul dalam kelas. Saya dapati mana-mana guru yang mengajar Tahap 1 turut menyuarakan masalah yang sama walaupun untuk mata pelajaran yang berbeza seperti Bahasa Inggeris dan Sains.

Kemahiran dan kecekapan dalam penulisan huruf kecil akan mempengaruhi penulisan latihan yang tidak kemas. Malahan, secara tidak langsung, jika masalah ini berterusan dan terbawa-bawa ketika menulis dalam ujian, markah murid akan dipotong untuk setiap kesalahan tersebut.

Sebelum setiap kali sebelum mula menulis saya mengulang makluman yang mana kita pastikan tulis huruf kecil dengan betul. Ini seperti garisan dalam buku latihan, namun kadangkala murid kita itu menganggapnya tidak penting.

Setelah dikaji masalah dan membuat refleksi mengenai satu teknik yang dapat membantu kemahiran menulis huruf kecil ketika menulis garis 1. Sehubungan dengan itu, fokus kajian penggunaan Rantai Kunci Dinosaur dalam dengan menjadikan 5 orang murid-murid kajian.

FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokus kepada menulis huruf kecil. Kajian ini penting kerana menerangkan kepada penulisan perkataan latihan. Kemahiran menulis huruf kecil garis 1 sangat penting kerana hampir Tahap 1 dan Tahap 2 memang mengandungi satu sebagai buku latihan yang utamanya huruf kecil dengan betul, hal ini akan memberi kesan terhadap diri mereka akibat selalu diingatkan kesalahan mereka. Murid juga akan melihat buku latihan yang sering diingatkan.

Kajian ini yang bertitik fokus kepada selaras dengan kehendak yang tertera dalam Standard Kandungan dan Pentaksiran Bahasa Melayu SK Tahun Satu iaitu:

- Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas.
- Menulis dan membentuk perkataan dengan betul serta tulis dengan kemas.

Standard Pembelajaran Bahasa Melayu SK Tahun Satu sekiranya murid tidak tahu menulis dengan betul terutamanya untuk menulis huruf kecil dalam buku latihan garis 1.

Setelah dikaji masalah dan membuat refleksi, saya telah terfikir mengenai satu teknik yang dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil ketika menulis ayat dalam buku garis 1. Sehubungan dengan itu, fokus kajian saya ialah mengenai penggunaan *Rantai Kunci Dinosaur* dalam menulis huruf kecil a-z dengan menjadikan 5 orang murid-murid Tahun 1 sebagai sampel kajian.

FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada kemahiran menulis huruf kecil. Kajian ini penting bagi murid Tahap 1 sebelum meneruskan kepada penulisan perkataan atau ayat dalam buku latihan. Kemahiran menulis huruf kecil terutamanya dalam buku garis 1 sangat penting kerana hampir semua mata pelajaran dalam Tahap 1 dan Tahap 2 memang menggunakan buku latihan garis satu sebagai buku latihan yang utama. Jika murid tidak menulis huruf kecil dengan betul, hal ini akan memberi kesan yang negatif terhadap diri mereka akibat selalu ditegur oleh guru-guru tentang kesalahan mereka. Murid juga akan berasa rendah diri apabila melihat buku latihan yang sering ditanda dengan banyak kesalahan.

Kajian ini yang berfokuskan kepada kemahiran menulis, selaras dengan kehendak yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran Semakan 2017 Bahasa Melayu SK Tahun Satu iaitu:

- (a) Menulis secara mekanis berdasarkan bahan yang diberi dengan betul dan kemas.
- (b) Menulis dan membentuk huruf besar dan huruf kecil dengan cara yang betul serta tulisan yang kemas.

Standard Pembelajaran (b) ini tidak akan dapat dicapai sekiranya murid tidak tahu tentang cara untuk menulis huruf kecil dengan betul terutamanya untuk menulis ayat dengan kemas dalam buku latihan garis 1.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Am

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menulis huruf kecil.

Objektif Khusus

- (a) Membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil dalam buku tulis dengan kemas dengan penggunaan teknik "Rantai Kunci Dinosaur".
- (b) Meningkatkan daya ingatan murid terhadap penggunaan huruf kecil dalam ayat dengan penggunaan teknik "Rantai Kunci Dinosaur".

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah ditetapkan, persoalan kajian yang menjadi tunjang dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Dapatkah teknik "Rantai Kunci Dinosaur" membantu murid untuk menulis huruf kecil dengan betul?
- (b) Dapatkah teknik "Rantai Kunci Dinosaur" meningkatkan daya ingatan murid terhadap penggunaan dan penulisan huruf kecil yang betul dalam ayat?

KUMPULAN SASARAN


Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah yang terletak di daerah Muar, Johor. Subjek atau responden yang terlibat ialah murid manula. Bilangan murid yang terlibat ialah seramai 5 orang yang terdiri daripada 4 orang murid lelaki dan 1 orang murid perempuan.

Murid-murid ini seringkali tidak mengambil berat terhadap penulisan huruf kecil. Sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran saya bersama murid di kelas ini, didapati bahawa mereka tidak begitu berminat dengan semua aktiviti yang melibatkan penulisan huruf kecil seperti menulis ataupun seni lagu. Mereka akan lebih berminat dengan permainan dengan menggunakan teknik "Rantai Kunci Dinosaur" apabila dengan mengandungi gambar-gambar dan huruf-huruf kecil telah

disusun pada badan "dinosaur" tersebut ke kesedaran istilah, saya bertindak untuk menerangkan ini bagi mengatasi masalah tersebut.

MODEL PENYELIDIKAN TINDAKAN LAIDLAW (1992)

Kajian tindakan ini berdasarkan model daripada Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Kajian tindakan dimulakan dengan merangka pelan tindakan. Kemudian, pengkaji perlu membuat catatan untuk merangka pelan tindakan. Setelah itu, pengkaji perlu membuat refleksi mengenai tindakan yang telah dijalankan. Akhirnya, pengkaji perlu membuat refleksi mengenai kesannya. Akhirnya, pengkaji perlu membuat refleksi mengenai kesannya. Akhirnya, pengkaji perlu membuat refleksi mengenai kesannya.




Rajah 1.1 Menunjukkan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992).

disusun pada badan 'dinosaur' tersebut mengikut ciri-cirinya. Atas kesedaran inilah, saya bertindak untuk menjalankan kajian tindakan ini bagi mengatasi masalah tersebut.

MODEL PENYELIDIKAN TINDAKAN LEWIN (1946) DAN LAIDLAW (1992)

Kajian tindakan ini berdasarkan model kajian tindakan adaptasi daripada Lewin 1946 dan Laidlaw 1992. Menurut model ini, kajian tindakan dimulakan dengan mengenal pasti aspek amalan. Kemudian, pengkaji perlu membuat perancangan yang strategik untuk merangka pelan tindakan. Seterusnya, tindakan diambil untuk menguji pelan tindakan yang telah dirancang. Data kemudiannya akan dikumpul untuk melihat kesan tindakan. Selepas itu, pengkaji perlu membuat refleksi mengenai keberkesanan tindakan. Seterusnya, kitaran kedua dijalankan dengan menambah aspek penambahbaikan kepada tindakan.



Rajah 1.1 Menunjukkan Model Kajian Tindakan adaptasi daripada Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) yang digunakan dalam kajian ini.

PELAKSANAAN KAJIAN Tinjauan Masalah

Jadual 1.1 Kaedah Mengutip Data.

Langkah	Cara Penilaian	Kumpulan sasaran	Tujuan
Langkah 1	Memeriksa buku tulis dan buku aktiviti	5 orang murid Tahun 1	Mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid.
Langkah 2	Analisis dokumen	5 orang murid Tahun 1	Saya menjalankan kaedah analisis dokumen, iaitu menganalisis buku latihan bagi 5 orang murid. Tujuan adalah untuk mengenal pasti masalah yang mereka hadapi ketika menulis huruf kecil.

Analisis Tinjauan Masalah

Jadual 1.2 Analisis Tinjauan

Langkah	Cara Penilaian
Langkah 1	Memeriksa buku tulis dan buku aktiviti
Langkah 2	Analisis dokumen
Langkah 3	Pemerhatian

Analisis Tinjauan Masalah

Jadual 1.2 Analisis Tinjauan Masalah.

Langkah	Cara Penilaian	Kumpulan sasaran	Masalah yang telah dikenalpasti
Langkah 1	Memeriksa buku tulis dan buku aktiviti	5 orang murid Tahun 1	Banyak kesalahan ketika menulis huruf kecil.
Langkah 2	Analisis dokumen	5 orang murid Tahun 1	Setelah membuat analisis dokumen, saya dapati banyak kecuaiian yang dilakukan dalam penulisan huruf kecil seperti penulisan huruf yang tidak tepat mengikut garisan dalam buku latihan, tulisan tidak kemas dan banyak huruf yang ditulis terbalik.
Langkah 3	Pemerhatian	Guru pengkaji	Pemerhatian dilakukan sendiri oleh saya dan dapataannya adalah seperti berikut: i. Sikap – Kebanyakan daripada mereka membuat latihan menulis dengan sambil lewa. Murid kelihatan tergepoh-gapah ketika menulis. Mereka akan terus menghantar kerja tanpa membuat penyemakan terlebih dahulu.

Tindakan yang Dijalankan

- Berdasarkan tinjauan awal yang dijalankan, didapati murid ini memang lemah dari aspek penulisan huruf kecil. Oleh itu, saya mula bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak didik saya. Untuk mengatasi masalah ini, teknik "Rantai Kunci Dinosaur" diperkenalkan untuk melaksanakan kajian ini:
- Pertama, saya memotong kertas A4 kepada empat bahagian. Saya melukis seekor dinosaur pada potongan kertas tersebut.
 - Huruf a-z saya tulis pada dinosaur tersebut.
 - Huruf atau abjad a-z saya bahagikan kepada 3 jenis. Pertama, huruf 'leher'. Kedua, huruf 'badan', dan ketiga huruf 'ekor'.
 - Jenis huruf 'leher' ialah b, d, f, h, k, l dan t. Jenis huruf 'badan' ialah a, c, e, i, m, n, o, r, s, u, v, w, x dan z. Manakala huruf 'ekor' ialah g, j, p, q dan y.
 - 'Dinosaur' yang telah siap dilakar saya gunting dan 'dinosaur' tersebut diletakkan pada plastik yang berlamina. Saya meletakkan gelung rantai pada 'dinosaur' yang sudah berlamina itu untuk dijadikan seperti sebuah rantai kunci. Maka, terhasillah 'rantai kunci dinosaur'.
 - Saya menyediakan 5 set 'rantai kunci dinosaur' untuk murid yang saya kenal pasti lemah dalam penulisan huruf kecil.
 - Beberapa langkah mudah diikuti seperti Jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3 Langkah-langkah menggunakan "rantai kunci dinosaur"

Langkah 1	Murid diingatkan "rantai kunci dinosaur".
Langkah 2	Murid diperkenalkan dengan tiga jenis huruf (seperti yang dnyatakan pada bahagian 'c' di atas).
Langkah 3	Murid berlatih menulis huruf mengikut jenis menggunakan "rantai kunci dinosaur".
Langkah 4	Murid menulis ayat dengan berpandukan "rantai kunci dinosaur". Guru akan menegur sekiranya murid melakukan kesilapan.

sambungan jadual

Langkah 5	Murid...
Langkah 6	Murid...

Pelaksanaan

Pengajaran dan latihan ini memperkenankan menunjukkan...

Pemerhatian

Tempat: K...

Peristiwa:

Semasa kelihatan sabar terhadap bersungguh bagi betul. kurangnya kecil.

Refleksi

Saya dinosaur Hasil berjaya dapat dengan

sambungan jadual

Langkah 5	Murid menulis ayat tanpa berpandukan "rantai kunci dinosaur". Semasa aktiviti menyemak, murid sendiri akan menyemak hasil tulisan mereka dengan merujuk "rantai kunci dinosaur".
Langkah 6	Guru akan menilai dari segi ayat serta kekemasan hasil kerja. Guru memberi hadiah sebagai galakan dan motivasi kepada murid.

Pelaksanaan Aktiviti

Pengajaran dan pembelajaran seperti biasa. Saya memberikan latihan menulis ayat dalam buku latihan garis 1. Saya mula memperkenalkan "rantai kunci dinosaur" kepada murid serta menunjukkan cara untuk menggunakannya.

Pemerhatian

Tempat: Kelas Tahun 1

Peristiwa:


Semasa saya memperkenalkan "rantai kunci dinosaur", murid kelihatan teruja melihatnya. Mereka teruja dan seolah-olah tidak sabar untuk memegang dan memilikinya. Setelah saya edarkan "rantai kunci dinosaur" tersebut, murid kelihatan lebih berminat terhadap aktiviti menulis yang saya arahkan. Murid nampaknya bersungguh-sungguh untuk menggunakan "rantai kunci dinosaur" bagi menyiapkan latihan menulis ayat dengan huruf kecil yang betul. Murid dapat menyiapkan latihan dengan lebih baik serta kurang melakukan kesalahan dan kecuaiian dalam penulisan huruf kecil.

Refleksi

Saya berpendapat bahawa penggunaan teknik "rantai kunci dinosaur" ini dapat memberikan kesan yang positif kepada murid. Hasil kerja yang dihantar juga kelihatan lebih kemas. Huruf kecil berjaya ditulis dengan betul dan tepat mengikut garisannya. Murid dapat mengaplikasikan penggunaan "rantai kunci dinosaur" tersebut dengan sangat baik.

Refleksi Kajian
Penilaian pencapaian murid


Analisis dokumen (Sebelum intervensi)



Gambar 1.1 Analisis dokumen responden 1.

Analisis Responden 1:

Responden 1 banyak melakukan kesalahan dalam penulisan huruf kecil s, d, g, m, i dan y. Kesalahan yang ketara nampak berulang pada huruf s. Responden ini keliru tentang cara menulis antara huruf s besar dan s kecil.




Gambar 1.2 Analisis dokumen responden 2.

Analisis Res
Respon
huruf kecil s
berulang pa
dengan betu
dan ketingg

Analisis
Re
huruf ke
berulang
menyer

Analisis Responden 2:


Responden 2 banyak melakukan kesalahan dalam penulisan huruf kecil s, b, g, o, l, a, m, z dan y. Kesalahan yang ketara nampak berulang pada huruf s dan y. Responden ini tidak boleh menulis dengan betul pada garisan. Semua huruf ditulis hampir sama saiz dan ketinggiannya.



Gambar 1.3 Analisis dokumen responden 3.

Analisis Responden 3:

Responden 3 banyak melakukan kesalahan dalam penulisan huruf kecil a, y, s, u, k, g dan y. Kesalahan yang ketara nampak berulang pada huruf s dan a. Penulisan huruf kecil a responden ini menyerupai penulisan nombor 9.



Gambar 1.4 Analisis dokumen responden 4.